

**UCAPAN OLEH YABHG TUN DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
DI UNIVERSITAS PANCASILA JAKARTA JAKARTA, INDONESIA
PADA 10 MEI 2008**

“Pendidikan dan Kemajuan Bangsa”

1. Terlebih dahulu ingin saya ucap terima kasih kerana kehormatan yang diberi kepada saya untuk menyampaikan pidato ilmiah atau orasi sempena konvokesyen Universitas Pancasila tahun 2008 ini.
2. Pendidikan dan kemajuan bangsa yang menjadi tajuk orasi ini memanglah perkara yang amat dekat dengan hati saya. Tetapi saya bukanlah pakar yang layak bercakap berkenaan tajuk ini terutama dihadapan para ilmuan di gedung ilmu ini dan saya percaya para ilmuan yang datang juga dari universitas-universitas yang lain. Namun saya akan cuba memberi pandangan saya terhadap perkara ini kerana saya terlibat dengan pemerintahan negara Malaysia, yang mana sudah tentu masalah dan soal pendidikan sebagai sumbangan kepada kemajuan negara tidak dapat tidak perlu ditangani oleh saya. Maka ini memberi pengalaman dan pengetahuan yang mendalam juga. Tetapi ini adalah secara kebetulan sahaja dan bukan kerana kajian ilmiah yang disengajakan.
3. Pendidikan dan penguasaan ilmu dianggap begitu penting untuk pembangunan atau kemajuan negara sehingga buat beberapa tahun peruntukan belanjawan negara Malaysia untuk maksud ini berjumlah 25% dari seluruh peruntukan bagi pembangunan negara.
4. Dalam sejarah manusia tamadun-tamadun yang terkenal didirikan oleh bangsa-bangsa yang berilmu pengetahuan. Para cerdik-pandai mereka mungkin meneroka sendiri dalam bidang-bidang yang diminati oleh mereka atau memperolehi ilmu dengan berguru kepada para ilmuan yang terkenal dalam masyarakat mereka. Kemudian apabila institusi pengajian diadakan maka penguasaan ilmu menjadi lebih mudah dan jumlah yang terdidik menjadi lebih ramai. Perkembangan penguasaan ilmu oleh ramai anggota masyarakat diikuti dengan pembentukan tamadun yang semakin maju. Sebaliknya, bangsa yang tidak punyai ilmu dan tidak dapat perluaskan penguasaan ilmu kekal dengan kemunduran dan gagal berdiri tamadun yang tinggi.
5. Pendidikan sebenarnya bermula di rumah di mana ibu dan bapa menanamkan pengetahuan asas bagi anak. Walaupun hari ini kita tidak begitu utamakan pendidikan oleh ibubapa dan tidak menentukan ianya disusun rapi dengan piawaian yang sama, tetapi didikan ini masih amat penting.

6. Ini adalah oleh kerana didikan ini dilakukan semasa apa yang disebut sebagai "formative years" iaitu tahun-tahun di waktu mana penerapan sebarang ajaran oleh kanak-kanak lebih mudah dan lebih berkesan, terutama dalam pembentukan peribadi melalui pegangan kepada nilai hidup sepanjang hayat.
7. Sesungguhnya maju-mundur sesuatu individu, sesuatu kaum, sesuatu bangsa bergantung kepada nilai hidup yang dipegang dan diamal oleh mereka. Jika nilai hidup yang di terima dan di amal sesuai untuk kemajuan maka majulah bangsa itu. Sebaliknya, jika nilai hidup tidak sesuai maka mundurlah bangsa itu.
8. Malangnya kita tidak memberi perhatian yang sewajarnya kepada penyemaian nilai hidup, sehingga kita biarkan sahaja ia dilakukan oleh orang yang tidak begitu faham akan peranan nilai hidup, bahkan tidak pun tahu apakah nilai yang perlu dipupuk dan apa yang harus di tolak.
9. Ibubapa yang dipertanggungjawab untuk tugas ini tahu secara umum apa yang baik dan apa yang buruk. Mereka cuba menanam kefahaman tentang baik dan buruk (good and bad) melalui precept dan 'example' atau teladan. Ada juga yang menceritakan cerita kuno yang menjadi sebahagian dari ajaran agama berkenaan dengan persaingan antara baik dan buruk (good and evil). Tetapi semua ini tidak dapat meliputi seluruh nilai hidup yang perlu di pegang oleh seseorang dalam kehidupannya. Oleh kerana masyarakat atau bangsa adalah jumlah individu yang menganggotainya, maka kesan nilai hidup individu mempengaruhi prestasi masyarakat dan bangsa.
10. Sebagai contoh, orang Jepang dapat mengatasi masalah dan memperbaiki kualiti hasil kerja mereka kerana mereka disemai dari kecil lagi akan perasaan malu. Jika sesuatu yang tidak baik dilakukan oleh mereka, mereka harus malu. Demikianlah kuatnya perasaan malu mereka sehingga mereka sanggup membunuh diri dengan cara yang ngeri, dengan harakiri jika mereka tersalah atau gagal dalam sesuatu usaha.
11. Di zaman ini amalan ini tidak terdapat lagi tetapi kerana tidak mahu berasa malu mereka akan cuba hasilkan kerja yang terbaik. Ini tidak bermakna semua mereka berpegang dan mengamalkan nilai hidup ini. Tetapi umumnya pegangan mereka kepada sikap malu ini memang mempengaruhi bangsa mereka. Sebab itu setelah kalah teruk dalam Perang Dunia Kedua mereka dapat pulihkan negara mereka sehingga menjadi Ekonomi Dunia yang kedua terbesar dalam jangka masa yang begitu singkat. Demikian juga kualiti hasil keluaran industri mereka di perbaiki sehingga menjadi yang terbaik di dunia.
12. Kita tidak perlu keterlaluan berkenaan dengan sifat malu seperti orang Jepang tetapi saya percaya memiliki sifat ini tetap akan menyumbang kepada pembangunan bangsa. Sudah tentu sifat-sifat mulia yang lain juga boleh memainkan peranan dalam pembentukan peribadi bangsa yang boleh menyumbang kepada kemajuannya.

13. Jika ini dipercayai oleh kita, maka dapatkah kita meninggalkan penyemaian nilai hidup dikalangan anak kita kepada ibubapa semata-mata? Pendidikan ini adalah asas kepada pendidikan yang lain. Samada pendidikan ilmu dan kecekapan yang diadakan kemudian berkesan atau tidak, banyak bergantung kepada didikan tentang keutamaan ilmu.

14. Kita punyai taman kanak-kanak hanya untuk membebaskan ibu bapa supaya mereka dapat untuk menjalankan tugas-tugas lain mereka. Sementara kita tidak harus bebaskan anak kecil dengan pendidikan yang terlalu serius, tetapi pakar pendidikan kanak-kanak harus cipta aktiviti di kindergarden (taman asuhan kanak-kanak) yang boleh secara tidak langsung memupuk nilai-nilai yang baik di kalangan mereka.

15. Sistem persekolahan rendah dan menengah sudah menjadi sebahagian daripada proses pendidikan di mana-mana sahaja. Tidaklah dapat dinafikan bahawa persekolahan di peringkat ini amat penting dalam menyumbang kepada ketinggian ilmu dan kecekapan di kalangan mereka yang akan majukan bangsa dan negara. Oleh kerana didikan oleh ibubapa tidak begitu berkesan, dan juga murid di sekolah rendah masih mudah menerima budaya dan nilai hidup yang boleh menjadikan mereka lebih produktif, kesempatan perlu diambil di sekolah rendah dan menengah untuk membentuk peribadi yang boleh meningkatkan produktiviti mereka.

16. Diantara pengetahuan yang boleh menyumbang ke arah ini ialah yang berkenaan dengan sejarah bangsa. Kata seorang pujangga barat, George Santayana, "Mereka yang lupa akan sejarah akan di dera dengan mengulangi kesalahan mereka berkali-kali". Jelas sekali dari pengetahuan sejarah kita akan dapat kenal pasti antara perbuatan dan tingkah laku yang baik dan yang buruk dalam sejarah dan dengan itu mengulangi yang baik dan menolak yang buruk. Tidaklah perlu disebut akan pentingnya penulisan buku sejarah supaya ia boleh menyumbang kepada menguatkan semangat dan memupuk nilai-nilai yang boleh memajukan bangsa dan negara.

17. Bangsa-bangsa Eropah banyak menggunakan sejarah dalam pembentukan nasionalisma mereka. Tulisan mereka tidak selalunya berasas kepada kebenaran. Demikian dalam pertempuran di Waterloo antara Napoleon dengan pasukan tentera British/Jerman, British meriwayatkan kemenangan telah dicapai sebelum sampai tentera Jerman pimpinan General Blucher, tetapi riwayat Jerman pula menyatakan Wellington, general British hampir kalah tetapi diselamatkan oleh Blucher. Tujuan sejarah masing-masing tentulah untuk menimbul kebanggaan oleh anak-anak mereka dan menguatkan semangat juang mereka.

18. Contoh yang lebih tepat lagi akan peranan ilmu dalam memajukan bangsa ialah yang berkenaan dengan bangsa Arab. Apabila Arab Jahiliyah menerima

agama Islam, mereka memegang kuat kepada tuntutan Islam dalam Al-Quran berkenaan dengan membaca ("Iqraq"). Orang yang membaca tetap akan mendapat maklumat dan ilmu. Dengan itu orang Arab yang jahil ini dapat mengatasi kejahilan mereka.

19. Pada masa ayat ini diturunkan pada Nabi Muhamad s.a.w. tidak ada apa-apa tulisan dalam apa-apa dokumen atau kitab berkenaan dengan agama Islam. Lagi pun tidak ada ayat yang berkata yang perlu dibaca hanyalah tulisan berkenaan dengan agama Islam.

20. Oleh itu orang Arab yang menerima Islam telah mempelajari bahasa-bahasa lain seperti bahasa Yunani dan bahasa-bahasa benua India supaya mereka dapat membaca dan menterjemah teks dalam bahasa-bahasa ini berkenaan ilmu yang diterokai oleh cerdik pandai dan para ilmuwan. Mereka ini telah meneruskan usaha mereka dengan membuat kajian dan menambah tokok jumlah ilmu dalam semua bidang yang dipelajari oleh mereka, terutama dalam bidang hisab, sains, perubatan, astronomi dan tumbuh-tumbuhan.

21. Mereka mendirikan kutubkhanah dimana disimpan ratusan ribu jilid kitab-kitab dan dokumen untuk memudahkan pendidikan dan rujukan semasa kaji-selidik untuk menambah ilmu.

22. Zaman yang memperlihatkan orang Islam dari berbagai-bagai kaum berusaha mengejar ilmu adalah juga zaman kegemilangan tamadun Islam. Di zaman itu, orang Eropah berada dalam Zaman Kegelapan. Walaupun mereka sudah memeluk agama Kristian tetapi pemikiran mereka masih dibelenggu dengan kepercayaan kepada hantu jembalang dan kuasa-kuasa ghaib selain daripada Tuhan mereka.

23. Ilmu dibolot oleh sebilangan yang kecil daripada paderi-paderi mereka dan itu pun kerap terhad kepada agama mereka. Bidang sains dan matematik serta falsafah yang diterokai oleh orang Greek sudah diketepikan oleh mereka, kerana dipercayai bertentangan dengan ajaran Kristian dan boleh lemahkan iman mereka.

24. Tanpa ilmu pengetahuan tamadun Eropah ketinggalan jauh di belakang berbanding dengan tamadun Islam. Wilayah mereka di Sepanyol, Laut Mediterranean dan Eropah Timur jatuh ke tangan orang Islam yang lebih hebat dan tinggi tamadun mereka.

25. Sepatutnya kemajuan umat Islam dan negara mereka berterusan sehingga sekarang. Tetapi pada abad ke 15 Masihi satu perubahan berlaku dikalangan orang Islam dan orang Eropah.

26. Orang Islam yang sehingga abad itu telah menguasai semua ilmu samada bidang agama Islam atau jurusan lain yang tidak secara langsung dikaitkan

dengan agama iaitu seperti sains, ilmu perubatan, hisab, ilmu alam, astronomi dan sebagainya, telah diberi fatwa bahawa ilmu yang wajib dituntut mengikut ajaran Islam ialah yang berkaitan secara jelas dengan agama Islam sahaja.

27. Setelah menerima fatwa-fatwa ini orang Islam memberhentikan tuntutan ilmu yang dianggap bukan Islam. Pengetahuan mereka dalam bidang-bidang ini pun merosot. Dan ini disertai dengan kelemahan wilayah-wilayah Islam sehingga di tewas dan di takluk oleh bangsa-bangsa Eropah. Tamadun Islam pula menjadi malap dan tidak tumbuh seperti sebelumnya.

28. Pada abad ke 14-15 ini juga timbul kesedaran di kalangan orang Eropah Kristian akan kemunduran mereka berbanding dengan orang Islam. Justeru itu mereka memulakan usaha untuk keluar dari zaman gelap supaya dapat bersaing dengan wilayah Islam. Diantara pendekatan yang diguna oleh orang Eropah untuk menjayakan Renaissance (kelahiran semula) mereka ialah dengan mengejar ilmu, terutama yang terdapat pada orang Islam.

29. Paderi-paderi Kristian Eropah telah belajar bahasa Arab supaya mereka dapat akses kepada kitab-kitab ilmu orang Islam dan juga ilmu orang Yunani (Greek) yang telah diterjemah oleh pakar-pakar Islam dan disimpan dalam perpustakaan Islam di Cordoba, Baghdad dan bandar-bandar yang lain.

30. Dengan penguasaan ilmu-ilmu terutama sains, maka dapatlah bangsa Eropah tingkatkan keupayaan mereka dalam bidang pembuatan, pelayaran, pertanian dan lain-lain. Tentera mereka juga dapat dibekal dengan senjata-senjata jenis baru yang dapat mematah dan mengatasi senjata tentera Islam yang tidak berubah.

31. Sepatutnya apabila tentera-tentera Islam tidak lagi dapat pertahankan wilayah Islam, orang Islam akan sedar bahawa mereka sudah tidak mampu menunaikan kewajipan mereka seperti yang disebut dalam Al-Quran, iaitu orang Islam perlu bersiap sedia untuk mempertahankan umat Islam. Tetapi mereka tidak lihat akan kaitan antara ilmu pengetahuan dengan ciptaan dan pengeluaran senjata yang mampu bersaing dengan senjata orang-orang Eropah.

32. Mungkin ada diantara orang Islam yang sedar akan peranan yang dimainkan oleh ilmu untuk kemajuan bangsa-bangsa mereka. Tetapi demikianlah pegangan mereka kepada ajaran-ajaran tertentu yang kononnya berasas kepada Islam sehingga mereka tidak dapat membebaskan diri mereka daripada ajaran ini. Di zaman ini pun masih terdengar pendapat bahawa dunia ini bukan untuk orang Islam. Tempat untuk orang Islam adalah di akhirat. Justeru itu ramailah orang Islam yang menuntut ilmu agama dan yang menuntut ilmu yang dikatakan sekular tidak sama dengan bangsa Eropah. Apakah ilmu yang boleh menyelamatkan orang Islam tidak dianggap wajib bagi umat Islam? Hakikatnya ramai daripada orang Islam masih tidak dapat memberi nilai yang sewajarnya kepada ilmu-ilmu tertentu.

33. Kita tidak boleh membelakangkan ilmu dan ibadat tertentu yang diwajibkan keatas kita. Tetapi ajaran Islam tidak pernah menyuruh kita tinggalkan sahaja dunia ini supaya kita boleh tumpu kepada akhirat. Sebenarnya kita disuruh mengejar kebahagiaan kita di akhirat tetapi tidak melupakan bahagian kita didunia. Kita juga diberitahu bahawa Allah s.w.t tidak akan mengubah nasib sesuatu kelompok, melainkan kelompok itu sendiri berusaha mengubahnya.

34. Sesungguhnya saya tidak perlu sebut semua ini. Kita semua tahu dan faham. Tetapi walaupun demikian sikap kita terhadap pendidikan, sikap kita terhadap penguasaan ilmu masih ketinggalan berbanding dengan bangsa-bangsa yang maju. Dan lebih ketara lagi ialah apabila dibanding dengan penggunaan ilmu yang diperolehi. Kita masih diperingkat mengguna barangan buatan orang lain atau meniru sahaja apa yang diterokai dan dihasilkan oleh orang lain. Ciptaan-ciptaan kita amat berkurangan, terutama dalam bidang-bidang sains seperti elektronik, komunikasi, ICT, genetics dan lain-lain. Mungkin kita boleh tunjuk satu dua contoh di sana sini tetapi kita bukanlah pencipta, pembuat dan pembekal kepada dunia.

35. Dengan izin, saya ingin sekali mengambil kemajuan Jepang sebagai contoh. Tak lama dahulu Jepang dianggap sebagai peniru yang berkualiti rendah barangan ciptaan negara-negara Barat.

36. Hari ini kita tahu Jepang sudah melonjak jauh kehadapan. Barang Jepang adalah original, hasil ilmu pengetahuan, kajiselidik dan pembangunan atau "development" oleh mereka. Barat tidak lagi ketawa melihat barangan Jepang, bahkan mereka kagum dan cuba meniru hasil industri Jepang.

37. Selepas Jepang kita lihat pula kejayaan Korea. Mereka yang dahulu di kenali sebagai bangsa hermit yang tidak suka bercampur dengan bangsa-bangsa lain, yang konservatif dan tidak mahu menerima apa-apa perubahan, hari ini Korea muncul sebagai negara industri yang tidak jauh dibelakang Jepang. Demikian juga negara China.

38. Jika kita kaji asas-asas kejayaan mereka, kita akan dapati bahawa mereka begitu mengambil berat akan pendidikan dan penguasaan ilmu walaupun yang terasing dari budaya mereka.

39. Apakah bangsa-bangsa di Nusantara ini tidak dapat mengguna pendidikan untuk membantu kemajuan negara-negara kita? Saya tidak nampak satu sebab kenapa kita tidak boleh. Kita punyai kebolehan yang sama untuk menguasai ilmu di apa juga peringkat. Ini dapat dilihat daripada jumlah cerdik-pandai kita yang berhijrah ke negara maju di mana mereka menyumbang kepada kemajuan negara berkenaan dalam pelbagai bidang dan kegiatan.

40. Semasa terlibat dengan pemerintahan negara Malaysia, saya dapat lihat satu fenomena yang memberi keyakinan kepada saya bahawa bangsa-bangsa apa pun boleh menguasai apa juga ilmu dan kecekapan jika ada kesanggupan untuk berusaha bersungguh-sungguh dan berturut-turut. Tuhan menjadikan manusia demikian apabila ia mengulangi sesuatu berkali-kali ia tetap akan dapat meningkatkan kebolehan.

41. Oleh itu jika kita ingin menuntut ilmu atau kita ingin menghasilkan sesuatu yang cukup bermutu, yang diperlukan ialah kesanggupan mengulangi dan mengulangi sehingga tercapai hasil yang ditujukan. Pengukir kayu yang tidak cekap akan menjadi cekap jika sanggup mengukir sesuatu berkali-kali sehingga tercapai hasil yang terbaik.

42. Satu lagi perkara yang menarik ialah kecekapan yang ada pada ibu bapa entah bagaimana diperturunkan kepada zuriat mereka. Anak orang-orang Cepara dan Bali begitu mudah sekali menguasai kecekapan mengukir, sedangkan yang bukan anak pengukir mengambil masa yang lebih panjang untuk mendapat kecekapan.

43. Demikian dengan mengukir, demikian juga dengan penguasaan bidang-bidang lain termasuklah ilmu sains, hisab dan sebagainya.

44. Kita juga mungkin sudah perhatikan bahawa manusia semakin lama semakin bijak, semakin berkebolehan, semakin cekap berbanding dengan generasi yang terdahulu. Ini bermakna apa juga usaha kita untuk memiliki ilmu dan kecekapan akan meningkat sepanjang zaman dan akan menyumbang kepada kemajuan kita hingga kita juga akan jadi bangsa maju. Proses ini menjadi lebih mudah dan berkesan kerana kecanggihan alat komputer dan 'software'nya.

45. Dari pemerhatian ini kita boleh buat kesimpulan iaitu dengan kesanggupan mengulangi apa juga ilmu atau kecekapan, kita akan menguasainya, dan penguasaan ini akan diwarisi oleh zuriat-zuriat kita. Dan dari satu generasi ke generasi yang berikut segala kecekapan dan ilmu akan meningkat dan bertambah. Dengan berusaha lebih gigih maka kita akan dapat kejar bangsa yang sudah maju sehingga tidak lagi ketinggalan.

46. Segala-galanya bermula dengan pendidikan: pendidikan di rumah, di sekolah, di universiti dan sebenarnya sepanjang masa dan seumur hidup. Mereka yang sedar akan peranan pendidikan dan memberi tumpuan kepada bidang-bidang yang penting ini bagi kemajuan bangsa, lambat laun mereka akan menjadi bangsa maju.

47. Yang bulat tidak akan datang bergolek, yang pipis tidak akan datang melayang. Hanya usaha berterusan, yang tidak tahu penat lelah dalam aneka jenis pendidikan sahaja yang akan melahirkan bangsa yang maju.